



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

**MALAYSIA DAN REPUBLIK TÜRKIYE PERKUKUH HUBUNGAN
STRATEGIK MELALUI PEMETERAIAN MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN AUDIT NEGARA DAN
*TURKISH COURT OF ACCOUNTS***

UNTUK SIARAN SEGERA

PUTRAJAYA, 15 Disember 2025 – YBhg Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara (KAN) hari ini telah menerima kunjungan hormat daripada rakan sejawat, Tuan Yang Terutama Metin YENER, *President of the Turkish Court of Accounts* bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara, Putrajaya. Lawatan disusuli dengan Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Jabatan Audit Negara dan *Turkish Court of Accounts* (Institusi Audit Tertinggi - Supreme Audit Institution (SAI) Republik Türkiye) buat julung kalinya. Majlis tersebut sekali gus menzahirkan iltizam bersama kedua-dua institusi untuk memperkukuh hubungan profesional serta mempertingkatkan kerjasama teknikal dalam bidang pengauditan antara Malaysia dan Republik Türkiye.

MoU ini mengukuhkan asas kerjasama antara Malaysia dan Republik Türkiye merangkumi perkongsian kepakaran dan pengalaman melalui pelaksanaan latihan bersama, lawatan kerja serta sesi perkongsian ilmu. Bagi tempoh tiga tahun pertama pelaksanaannya, Pelan Tindakan MoU ini meliputi perkongsian bersama antara JAN dan Institusi Audit Tertinggi Republik Türkiye dalam bidang pengauditan pendigitalan, perubahan iklim dan alam sekitar serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di samping perkongsian khusus oleh setiap SAI dalam bidang pengauditan lain berasaskan kepakaran teras masing masing.

Pemeteraian MOU ini akan mempertingkatkan lagi hubungan erat institusi audit Malaysia dan Republik Türkiye melalui penglibatan aktif dan kerjasama profesional dalam platform antarabangsa seperti *Asian Organization of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI) dan *International Organization of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). SAI Türkiye kini merupakan ahli *INTOSAI Working Group on Follow-up Audit* (WGFA) dan *ASOSAI Working Group on State-Owned Enterprises Audit* (WGSOEA) yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Kunjungan delegasi SAI Türkiye ke Ibu Pejabat JAN di Putrajaya, turut dihadiri oleh Timbalan Duta Besar Türkiye ke Malaysia, Mr. Tolga Uçak.

Lawatan rasmi *President Turkish Court of Accounts* ke Malaysia merupakan lanjutan kepada Lawatan Penanda Aras Projek Pendigitalan Perkhidmatan JAN ke Ankara, Türkiye pada bulan Oktober 2023.

Pemeteraian MoU ini diharapkan menjadi asas kepada kerjasama transformatif Malaysia dan Republik Türkiye dalam menyokong agenda integriti, ketelusan dan keberkesanan pengurusan kewangan awam di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Audit Negara
#120TahunJAN

